

Sindiket seleweng gas LPG tumpas

IPOH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak menumpaskan satu sindiket penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi dalam serbuan di Kawasan Perindustrian Silibin, di sini semalam.

Pengarahnya, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, serbuan ke atas premis itu pada pukul 10.30 pagi.

Katanya, ia hasil risikan dan pemantauan pihaknya sejak dua minggu lalu.

“Serbuan terhadap premis itu dilakukan kerana disyaki menyimpan barang kawalan

berjadual iaitu LPG tanpa permit dan dokumen yang sah.

“Dalam serbuan itu, kita rampas sebanyak tujuh tong silinder LPG jenis C200 dengan anggaran berat 790 kilogram (kg).

“Selain itu, sebuah lori tangki LPG dengan anggaran berat 1,530kg turut dirampas.

“Nilai keseluruhan rampasan adalah RM17,549.06,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, kes itu disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.



SEORANG pegawai KPDNHEP Perak memeriksa lori tangki yang dirampas dalam serbuan di sebuah premis di Ipoh semalam.